



**TAJUK : PERANAN BUNYI DALAM FILEM SERAM**

**(Bunyi persekitaran, Muzik dan Bunyi Efek)**

**PROJEK TESIS: *CALL ME***

**JAYREE BIN MILI**

Tesis ini dikemukakan sebagai sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah  
Seni Gunaan dengan Kepujian (Sinematografi)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

2007

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: PERANAN BUNYI DALAM FILEM SERAM(BUNYI PERSEKITARAN, MUZIK DAN BUNYI EFEK), PROJEK TESIS: CALL ME

SESI PENGAJIAN : 2004/2007

Saya,

JAYREE BIN MILI

mengaku membenarkan tesis/Laporan\* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitalan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai pertukaran bahan antara institusi pengajian tinggi
5. \*sila tandakan

**SULIT**

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan dimana di mana penyelidikan dijalankan)

**TIDAK TERHAD**

Disahkan

*Jyre*

Tandatangan Penulis

Tarikh: 17.06.2007

*J. Man*

Tandatangan Penyelia

Tarikh: 18.6.2007

Alamat Tetap:

Bibiana Bilong

Smk Deshon Jalan Deshon

96000 Sibu

Catatan: \*Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda\* Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

## TANDATANGAN PENYELIA

Disertai diakui “**Peranan Bunyi Dalam Filem Seram(Bunyi Persekitaran, Muzik dan Bunyi Efek)**”, **Projek Tesis “*Call Me*”** disediakan oleh **Jayree Bin Mili** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Sinematografi.

Diterima dan diperiksa oleh :

..........

(EN. FAZMI HISHAM)

Tarikh :.....18.6.2007.....

## PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan kerana dengan berkatNya, saya dapat menyempurnakan penyelidikan dan projek tahun akhir yang bertajuk "*Call Me*" dengan jayanya. Dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Fazmi Hisham selaku penyelia saya yang telah banyak memberi tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan dalam proses menyiapkan projek ini. Di samping itu, terima kasih juga kepada semua pensyarah sinematografi iaitu Encik Abdul Riezal Dim, Encik Gregory Wee Lik Ho, Puan Candida Jau Emang dan Cik Teo Miaw Lee yang telah memberi sokongan dan dorongan kepada saya untuk menyiapkan projek ini.

Ucapan terima kasih juga kepada teman-teman seperjuangan yang telah banyak menyumbangkan tenaga dan masa mereka untuk membantu saya dalam menyempurnakan projek ini.

Akhir sekali kepada keluarga yang tersayang dan teristimewa buat iaitu ayah dan ibu saya En. Mili Salleh dan Pn. Selabiah Jara-ee adik-beradik saya iaitu Nilgerlas Mili, Selawatie Mili, Peterus Mili dan Joela Mili kerana dorongan, nasihat dan berkat doa serta harapan kalian menjadi pendorong kepada semangat saya dalam menyempurnakan tugas ilmiah sepanjang pengajian saya di Unimas. Segala jasa dan pergorbanan kalian akan tetap saya hargai. Sesungguhnya segala dorongan, nasihat dan diiringi doa akan membolehkan seseorang insan berjaya mengharungi segala kesukaran yang pasti akan membuahkan kejayaan kepada mereka kelak

**ISI KANDUNGAN**

	Halaman
<b>TAJUK TESIS</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	
<b><i>ABSTRACT</i></b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1-2
1.2 Metodologi	2-5
1.3 Kenyataan Masalah	6
1.4 Hipotesis	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Definisi	7
<b>BAB 2 SEJARAH PERKEMBANGAN BUNYI DALAM FILEM</b>	
2.1 Pengenalan	8
2.2 Perkembangan Filem Bisu	9-11
2.3 Kemunculan Bunyi Dalam Filem	12-14



## **BAB 3 ANALISIS FILEM**

3.1 Pengenalan	15
3.2 Filem 1	
3.2.1 Pontianak Harum Sundal Malam II (Malaysia)	
3.2.2 Sinopsis	16
3.3 Filem 2	
3.3.1 <i>Ghost Of Mae Nak (Thailand)</i>	
3.3.2 Sinopsis	16-17
3.4 Peranan Bunyi	17
3.4.1 Bunyi Persekitaran	17-20
3.4.2 Muzik	20-26
3.4.3 BunyiEfek	27-31
3.5 Konsep Penggunaan Bunyi	31
3.5.1 Komposisi Shot	31-32
3.5.2 Masa	32-33
3.5.3 Ruang	33
3.6 Perbincangan Analisis	33-34

## **BAB 4 KAITAN PROJEK TAHUN AKHIR DENGAN ASPEK KAJIAN**

4.1 Pengenalan	35
4.2 Sinopsis " <i>Call Me</i> "	35-36
4.3 Konsep Idea	36
4.4 Pengaplikasian Kajian Dalam Video Pendek " <i>Call Me</i> "	37-41
4.5 Konsep Bunyi	41-42

4.6 Konsep Visual	42
4.7 Konsep Cahaya	42-43
4.8 Konsep Penyuntingan	43
4.9 Kesimpulan	43-44
4.10 Perbincangan Masalah	44
<b>BIBLIOGRAFI</b>	45-47
<b>LAMPIRAN</b>	48-52

## ABSTRACT

*The research on the sound in horror film: One research on its usage in ambience sound, sound effect and music in building up the narrative films. In this research, the researcher emphasize on all elements of sound that can create mood in the moving picture. In additional, these research also a part of understanding how the sound can manipulate those suspense and surprise elements in horror film. In this video project, the use of music, sound effect and ambience sound and moving act as the catalyst to the sequence of events. "Call Me" is apart of the study on the usage sound elements of horror film in narrative film.*



## ABSTRAK

Kajian ini adalah merangkumi aspek bunyi dalam filem seram. Elemen-elemen bunyi yang dikaji adalah bunyi persekitaran, muzik dan bunyi efek. Daripada kajian ini pengkaji cuba memahami peranan bunyi tersebut dalam mencipta mood di dalam sesuatu filem seram. Selain itu, pengkaji juga menyelidik bagaimana elemen-elemen bunyi ini mewujudkan unsur-unsur suspen dan menyeramkan. Melalui kajian tersebut, pengkaji telah membuat satu video pendek yang berjudul "*Call Me*" yang menekankan elemen-elemen bunyi yang dikaji.

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Bunyi boleh disifatkan sebagai getaran dalam sesuatu jisim, zarah atau objek yang dapat dirasai oleh deria pendengaran manusia. Bunyi boleh melalui ruang-ruang udara, gas dan pepejal tetapi ia tidak boleh melalui ruang vakum. Dari segi teknikal, bunyi bermaksud tekanan atmosfera secara penggiliran, perubahan zarah dan kelajuan zarah di dalam sesuatu bahan atau jisim (Olson 1957).

Dalam bidang perfileman, bunyi adalah merangkumi muzik, bunyi persekitaran (*ambience sound*), bunyi efek dan dialog. Menurut kajian David Brodwell & Kristin Thompson pada tahun 2003, bunyi boleh dikategorikan kepada beberapa aspek iaitu ciri-ciri fizikal, sifat akustik dan dimensi bunyi dalam filem.

Ciri-ciri fizikal bunyi adalah seperti "*Frequency, Amplitude, Intensity, Quality, Speed of sound, Refraction, Reflection dan Interference*". Bagi sifat akustik bunyi pula ialah kejelasan atau kelantangan sesuatu bunyi, tinggi atau rendah kadar sesuatu bunyi dan kualiti nada dalam bunyi. Dimensi bunyi dalam filem pula merangkumi aspek seperti "*Rhythm, Fidelity, Space, Time, diegetic sound dan Nondiegetic sound*" (David Brodwell & Kristin Thompson 2003).

Perkembangan bunyi dalam filem telah bermula sekitar tahun 1930an. Filem pertama yang menggunakan dialog ialah *The Jazz Singer* oleh Al Jolson pada tahun 1927. Pada tahun 1928, Warner Brothers telah menghasilkan filem *Lights of New York* yang merupakan filem yang menggunakan dialog. Pada lewat tahun 1928, Disney's telah mengeluarkan filem yang bertajuk *Steamboat Willie*, sebuah filem yang lengkap kerana telah mencipta muzik latar dalam *post production* yang merangkumi bunyi efek, muzik dan dialog.

## 1.2 Metodologi

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu satu kajian yang mana penulis akan mendapatkan sumber-sumber maklumat daripada pelbagai media untuk melengkapkan kajian ini. Melalui maklumat yang diperolehi pengkaji akan menghuraikan segala persoalan dan permasalahan yang timbul ketika memulakan sesuatu kenyataan. Dengan ini, pengkaji akan menggunakan fakta-fakta yang sedia ada untuk mengukuhkan segala kenyataan yang diberikan.

Definisi yang mudah untuk menghuraikan kenyataan kualitatif ialah satu cara untuk menyatakan kaedah yang digunakan melibatkan koleksi data dan menganalisis di mana tiada kuantitatif (Lofland & Lofland 1984). Selain itu, kaedah kualitatif yang berkualiti seharusnya mempunyai tiga orientasi iaitu pemandangan sebagai objek, fenomena ataupun penghantaran sistem yang mana kenyataan ialah keadaan yang mantap dan sesuatu kajian itu dapat dilihat dan diukur.

Dengan itu, pemilihan kaedah kualitatif adalah tepat dalam menjalankan kajian ini. Ini kerana pengkaji telah menggunakan pengumpulan data dari pelbagai sumber untuk menghasilkan maklumat yang lengkap mengenai tajuk kajian ini. Dengan itu, segala kenyataan dan maklumat yang diperolehi daripada kaedah kualitatif ini akan memudahkan pengkaji untuk menghasilkan satu kenyataan yang berkeadaan mantap, sempurna dan dapat diukur.

Kaedah kualitatif mempunyai beberapa cabang kajian. Oleh itu, pengkaji telah memilih kaedah *Content Analysis* dalam melakukan kajian ini. *Content Analysis* merupakan satu teknik untuk menganalisis sesuatu data atau maklumat di dalam kandungan teks dari pelbagai sumber. Kaedah ini selalu digunakan untuk menganalisis sesuatu teks dalam satu dokumen dan ia juga boleh digunakan untuk menganalisis gambar atau visual yang bergerak atau statik. Antara sumber yang digunakan melalui kaedah ini adalah seperti suratkhobar, artikel, gambar, majalah, filem, rancangan televisyen dan banyak lagi. Secara ringkasnya, *Content Analysis* merupakan satu kajian tentang teknik untuk sesuatu objektif, sistematik dan gambaran kuantitatif suatu kandungan atau isi dengan jelas yang berkaitan dengan komunikasi. (Berelson 1952).

Pengkaji telah memilih kaedah ini sebagai cabang kajian kerana kebanyakan sumber yang diperolehi adalah berbentuk teks, artikel, jurnal buku dan filem(seram). Oleh itu, kaedah ini amat sesuai digunakan supaya pengkaji dapat menyampaikan sesuatu maklumat dengan jelas, tepat dan sempurna.



Sehubungan dengan itu, analisis kandungan melalui tontonan filem juga perlu dilaksanakan untuk memantapkan lagi penyampaian maklumat yang sedia ada. Di sini, pengkaji telah mengambil 3 buah filem seram terbaru (2006) yang merangkumi Malaysia, Thailand dan Korea. Filem-filem tersebut adalah seperti *Pontianak Harum Sundal Malam II*, *Ghost of Mae Nak* dan *The Wig*. Oleh kerana skop kajian pengkaji adalah merangkumi filem seram terbitan terbaru pada awal tahun 2006, filem seram Jepun adalah tidak termasuk dalam kajian pengkaji kerana tiada filem Jepun yang dihasilkan pada awal tahun tersebut.

Filem *Pontianak Harum Sundal Malam II*, arahan Shuhaimi Baba merupakan sebuah filem seram yang mengisahkan seorang wanita (*pontianak*) yang ingin membalas dendam kepada waris keluarga Marsani sehingga anak perempuannya 'dipulangkan'. Daripada filem tersebut, pengkaji mendapati bahawa penggunaan bunyi dalam filem seram yang merangkumi muzik, bunyi efek, dialog dan bunyi persekitaran dapat mewujudkan suasana dalam sesuatu babak kelihatan benar-benar seram. Selain itu, penggunaan bunyi dalam filem tersebut juga dapat menarik penonton untuk menghayati perkembangan cerita dalam filem itu.

Bagi filem *Ghost of Mae Nak* arahan Mak Duffield pula mengisahkan sebuah kisah cinta iaitu hikayat Mae Nak. Kisah tersebut adalah sejarah Thai dari generasi ke generasi kerana hantu Mae Nak kembali pada suatu masa untuk mendapatkan cinta sebenarnya kerana cinta tersebut merupakan semangat dia yang tidak akan mati. Melalui filem ini, saya mendapati bahawa penggunaan bunyi efek dan persekitaran adalah amat dititikberatkan. Dengan adanya bunyi efek dan persekitaran yang kuat dalam filem tersebut ia dapat mencetuskan satu suasana seram dan unsur-unsur suspen.

Contoh seterusnya ialah dari filem *The Wig*, sebuah filem seram dari Korea yang mengisahkan seorang wanita yang menggunakan rambut palsu sehingga menimbulkan suatu misteri kepada wanita tersebut. Dalam filem ini juga, penggunaan bunyi efek amat penting kerana ia dapat memberi kesan yang dramatik kepada sesuatu babak yang menyeramkan dan unsur suspen. Bagi segmen-segmen yang pengkaji kaji adalah penggunaan bunyi dan muzik dihasilkan sewaktu klimax berlaku dalam filem tersebut. Berdasarkan filem seram diatas, penggunaan bunyi dan muzik adalah begitu dramatik, cemas serta suspen dan ia berperanan untuk menimbulkan suasana yang lebih menyeramkan.

Kriteria-kriteria yang perlu diteliti oleh pengkaji untuk kajian diatas adalah seperti ciri-ciri fizikal bunyi (*Frequency, Amplitude, Intensity, Quality, Speed of sound, Refraction, Reflection dan Interference*), sifat akustik(*Loudness, Pitch dan Timbre*) dan dimensi bunyi yang merangkumi *Rhythm, Fidelity, Space, Time, Diegetic Sound dan Nondiegetic Sound*, tetapi kajian saya lebih menekankan tentang bunyi efek, muzik(skor), dialog dan bunyi persekitaran.

Berdasarkan data yang diperolehi, penggunaan bunyi dalam filem seram amat penting untuk mengukuhkan lagi konsep cerita yang hendak disampaikan. Dalam filem seram, penggunaan bunyi kebanyakannya adalah lebih kurang sama cuma yang membezakannya ialah dari segi jalan cerita atau konsep cerita tersebut. Penggunaan bunyi seperti diatas dapat membantu menyampaikan naratif cerita dengan lebih berkesan.



### **1.3 Kenyataan Masalah**

Sebelum memulakan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa kenyataan masalah yang timbul dalam kajian ini. Antaranya ialah;

1. apakah elemen utama bunyi dalam filem dan peranannya dalam filem seram?
2. apakah masalah yang timbul sekiranya penggunaan bunyi tidak ditekankan dalam filem seram?
3. kenapa penggunaan bunyi dalam filem seram amat penting dalam menguatkan sesuatu visual?

### **1.4 Hipotesis**

Sebelum memulakan kajian juga, seseorang pengkaji harus menghuraikan beberapa hipotesis yang timbul dalam kajiannya. Oleh itu, pengkaji dapat mewujudkan beberapa hipotesis yang timbul dalam kajian ini. Antara hipotesis tersebut ialah;

1. adakah elemen-elemen penggunaan bunyi (bunyi efek, muzik dan dialog) memainkan peranan penting dalam filem seram? Kenapa?
2. adakah konsep penggunaan bunyi dalam filem seram dan suspen adalah sama dari segi shot?
3. adakah penggunaan bunyi tersebut memberi kesan dramatik dalam sesebuah filem seram?

## 1.5 Objektif Kajian

Setiap kajian mempunyai objektifnya yang tersendiri. Oleh itu, pengkaji telah mengenal pasti beberapa matlamat dalam kajian ini antaranya ialah;

1. mengenal pasti apakah jenis bunyi dan bagaimanakah ia digunakan dalam sesuatu babak dan shot filem seram.
2. mengenal pasti peranan utama penggunaan bunyi dalam filem seram.
3. mengenal pasti kepentingan penggunaan bunyi dalam filem seram di dalam sesuatu visual.
4. mengenal pasti persamaan utama penggunaan bunyi dalam 2 filem seram iaitu *Pontianak Harum Sundal Malam II* dan *Ghost of Mae Nak*

## 1.6 Definisi

1. Bunyi efek - Kesan khas bunyi yang digunakan untuk menguatkan sesuatu atau babak-babak tertentu
2. Bunyi persekitaran - Bunyi persekitaran sesuatu lokasi dalam babak tertentu
3. Dialog - Aspek *auditory* filem yang kebiasaannya bebas dan selalunya tidak mempunyai hubungan atau kaitan dengan bunyi lain dalam filem. Ia lebih merujuk kepada pengucapan dan percakapan di dalam sebuah filem.
4. Muzik(*skor*) - Muzik serta lagu yang digunakan sebagai muzik latar
5. Seram – Satu perbuatan, peristiwa atau perlakuan sesuatu mekanisme yang boleh menimbulkan keadaan dan suasana yang menakutkan.

## BAB

### SEJARAH PERKEMBANGAN BUNYI DALAM FILEM

#### 2.1 Pengenalan

Bunyi merupakan salah satu elemen penting dalam sesebuah filem. Terdapat tiga aspek bunyi yang penting dalam filem iaitu bunyi efek, bahasa (*dialog*), muzik, bunyi persekitaran atau dikenali sebagai *noise*. Fungsi bunyi dalam layar atau skrin juga memberikan penonton maklumat atau keterangan untuk memahami jalinan cerita atau plot dalam sesebuah filem. Bunyi yang mengiringi setiap imej pada babak dan adegan filem adalah penting bagi melahirkan atau menghasilkan suasana, rentak emosi, suspen dan kejutan terhadap penonton.

Selain itu, bunyi berfungsi sebagai pendukung untuk membina mutu dan kekuatan dramatik sesebuah filem. Ini bertujuan menarik sentimen emosi penonton untuk mengikuti keseluruhan filem tanpa rasa jemu. Bunyi yang dihasilkan juga mengikut sesuatu keadaan atau situasi sama ada berkeadaan romantis, sedih, kecewa, gembira, ceria, marah, tragedi, cemas atau suasana yang menakutkan seperti dalam filem seram. Ia juga dihasilkan mengikut ruang dan waktu yang sesuai. Pada awalnya, filem-filem yang wujud adalah berbentuk filem bisu.



## 2.2 Perkembangan Filem Bisu

Menjelang abad ke-20, filem mula wujud di Paris dan Perancis apabila dua beradik yang berkecimpung dalam bidang fotografi iaitu Louis Lumiere dan Auguste Lumiere telah menayangkan filem pertama mereka secara komersil yang berjudul *La Sorte des Usine* pada 28 Disember 1895. Selepas itu mereka menayangkan pula filem yang berjudul *Arrivee D'unTrain En Grave*. Pada waktu tersebut, filem yang dihasilkan hanya divisualkan tanpa bunyi (filem bisu).

Perkembangannya terus drastik bermula pada tahun 1900 khususnya Hollywood yang mana Amerika Syarikat menjadi pusat perintis dalam pembikinan filem. Oleh itu, ahli perniagaan di Hollywood semakin berminat membuat pelaburan dalam filem sehingga sanggup mengeluarkan kos yang tinggi untuk membina studio berikutan persaingan dan permintaan yang amat meluas. Filem Hollywood juga berjaya menembusi luar daripada pasaran Amerika apabila berjaya memonopoli pasaran benua Eropah, Asia dan Timur Tengah. Sehubungan dengan itu, Edwin S Porter dari Amerika telah memperkenalkan teknik penyuntingan dalam filemnya yang diterbitkan pada tahun 1903 yang bertajuk "*The Life Of An American Fireman*" dan "*The Great Train Robbery*". Ini menjadikan filem lebih menarik kerana mempunyai unsur naratif yang mampu membawa kesan yang kuat kepada minda dan jiwa penonton.

George Melies pula telah mencuba pelbagai teknik kesan khas dan shot seperti dalam filemnya "*A Trip To The Moon*" pada 1902. Berikutan itu, bermulalah satu bentuk seni hiburan baru secara dagangan dan filem menjadi lebih menarik serta merupakan satu medium

seni apabila David W Griffith, dari Kentucky Amerika Syarikat membawa imej gambar secara lebih teliti dan bergaya. Beliau mementingkan filem yang mempunyai gerak lakon, pergerakan kamera, penekanan cahaya, pengubah suaian set, subset<sup>1</sup> dan props<sup>2</sup>.

David W Griffith pada asalnya merupakan seorang pelakon dan mula menjadi pengarah filem pada tahun 1908. Dari tahun 1909 sehingga tahun 1913 beliau hanya menghasilkan pelbagai rakaman shot yang mengumpul sebanyak 400 shot tetapi tidak mempunyai penceritaan yang khusus. Hasil kerja filemnya dipercayai telah menempuh revolusi baru apabila beliau memperkenalkan kedudukan posisi lensa kamera, unsur dramatik, bentuk fokus *Big Close-Up*(BCU) dan *Long Shots*(LS) terhadap watak dan objek, pemisahan babak, unsur cahaya dan banyak lagi.

Dengan itu, David W Griffith telah memperkenalkan karya sulungnya iaitu *The Birth of Nation* yang diterbitkan pada tahun 1915. Ia merupakan sebuah filem epik iaitu mengenai sebuah kisah peperangan. Filem ini telah menggunakan sebanyak 12 gelendong (reel) dengan tempoh tayangan selama tiga jam. Pada tahun 1916, beliau seterusnya telah menghasilkan sebuah filem berjudul *Intoleran*. Malahan, pada tahun yang sama di Los Angeles khususnya di sekitar Hollywood, studio filem semakin bertambah apabila mereka sudah mengetahui bahawa bentuk seni baru itu mampu menjadi bahan yang boleh meraih keuntungan yang berganda. Dengan itu, pembangunan kreativiti dan jumlah penerbitan filem semakin meningkat.

---

<sup>1</sup> Subset – set-set penggambaran yang boleh diguna pakai

<sup>2</sup> Props – peralatan atau barangan yang digunakan untuk sesuatu set penggambaran

Pada zaman ini, filem yang ditayangkan untuk orang ramai adalah tidak berdialog, tanpa muzik atau kesan bunyi dan ianya dikenali sebagai filem bisu yang menunjukkan babak-babak filem dan diselangselikan dengan ayat yang menerangkan maksud isi ceritanya menerusi teks sari kata. Filem bisu telah berterusan sejak 34 tahun yang lalu. Dalam tempoh itu jugalah lahirnya seorang lagi karyawan Hollywood bernama Charlie Chaplin yang telah menghasilkan sebuah filem pendek dan dia juga merupakan seorang pelakon serta pengarah dalam filem tersebut. Filemnya terus popular sehingga kini kerana menggunakan konsep komedi yang memaparkan imej bergerak secara cepat menerusi aksi watak utama yang turut dibintangi olehnya sendiri.

Walaupun sudah mempunyai beberapa studio yang telah dibina di Hollywood selaras dengan perkembangan awal dalam teknologi kamera tetapi filem yang dihasilkan masih tidak mampu ditayangkan secara serentak dengan bunyi. Selain daripada karya agung klasik oleh Chaplin yang berjudul *Limelight* dan antara filem bisu lain terkenal yang telah dihasilkan dari Russia ialah *Battleship Potemkin*, *Strike*, *10 Days That Shook The World* karya Eisenstein, *Intolerance* (Griffith, 1916) *Mother* (Pudovkin, 1925), *The Cabinet Of Dr Caligari* (1919), *Dr Mabuse* (1922), *The Secrets Of A Soul* (1926) dan *La Passion de Jeanne d'Arc* (1929).

Perkembangan filem bisu telah berakhir pada tahun 1929 dan bunyi dalam medium terus berkembang serta mengalami perubahan kreativiti, inovasi dan gaya pembikinan secara mendadak.



### 2.3 Kemunculan Bunyi Dalam Filem

Menjelang tahun 1929 maka berakhirilah tradisi filem bisu apabila setiap studio filem di Hollywood mula menggunakan sistem baru apabila karyawan sudah mampu memasukkan elemen muzik, bunyi latar dan suara watak untuk filem masing-masing. Filem pertama yang mengandungi muzik, suara atau dialog ialah *The Jazz Singer* karya Al Jolson yang dihasilkan pada tahun 1929. Beliau mampu menghasilkan gambar bergerak serta rakaman bunyi apabila menggunakan kotak kedap bunyi bersaiz besar bersama kamera ketika proses penggambaran. Dengan ini, industri perfileman dunia, khususnya di Amerika terus mekar apabila muzik dan bunyi menyebabkan mood wayang menjadi lebih berkesan kepada penonton.

Wayang menjadi lebih banyak unsur kejutan dan unsur luar biasa apabila elemen muzik dan bunyi yang seiring dengan babak filem dihasilkan menerusi pengarah generasi baru dari Amerika termasuk Ernst Lubitsch, King Vidor, Frank Capra dan Rouben Mamoulian. Pada tahun 1927, Studio Warner Brothers menggunakan teknologi sistem rakaman cakera yang dinamakan mesin Vitaphone<sup>3</sup>. Ia mampu menghasilkan bunyi serentak dengan susunan babak filem. Vitaphone menjadi asas teknologi dalam perkembangan sistem bunyi filem hingga sekarang.

Pada era 30-an, bermulanya bentuk filem muzikal yang memuatkan konsep tarian dan nyanyian dalam babak filem yang bertujuan untuk menghiburkan penonton yang dihimpit oleh tekanan kehidupan seperti masalah ekonomi dan peperangan. Pengarah filem, Orson Welles menghasilkan filem *Citizen Kane* pada tahun 1941. Beliau telah menghasilkan filem

---

<sup>3</sup> Vitaphone – sejenis mesin terawal yang boleh merakam bunyi secara terus sewaktu penggambaran

dengan mengubah gaya dan mutunya menerusi inovasi dengan memasukkan suara dialog bertindih dan teknik montaj<sup>4</sup> berbunyi. Beliau mengaplikasi pengalamannya ketika menjadi juruteknik radio. Dalam masa yang sama, filem juga berubah kepada imej gambar berwarna apabila adanya teknik dipanggil *Technicolor*. Filem berwarna sebenarnya bermula pada tahun 1928 menerusi filem *With The Show*. tetapi prosesnya hanya menggunakan dua warna, kemudian menjadi tiga warna iaitu dalam tempoh 1934 hingga 1953.

Seluloid<sup>5</sup> awal yang memuatkan tiga warna filem adalah keluaran *Kodachrome* pada 1935. Berakhirnya zaman filem bisu pada 1929 menjadikan faktor bunyi dalam medium filem terus mengalami perubahan kreativiti dan gaya yang mendadak. Bunyi yang mengiringi setiap imej babak dan adegan filem semakin penting untuk melahirkan *mood*, rentak emosi suspen dan kejutan terhadap penonton termasuk mencetuskan kesan emosi watak dalam filem. Perkembangan bunyi secara mendadak sehingga sekarang meliputi seluruh pelosok dunia apabila perfileman kini menjadi satu bentuk seni dan hiburan gaya moden yang menarik perhatian masyarakat sejagat.

Kini Hollywood muncul sebagai pusat industri perfileman dunia yang berprestij. Pasaran Amerika telah menghasilkan kira-kira 700 buah filem setahun dan sebahagiannya dipasarkan ke seluruh dunia. Antara bintang filem yang termasyhur dari Amerika yang muncul dari awal hingga pertengahan abad ke-20 ialah Charlie Chaplin, Buster Keaton, Mary Pickford, Lillian Gish, Douglas Fairbanks, Rudolph Valentino, Greta Garbo, Stan Laurel, Oliver Hardy dan Marlon Brando.

---

<sup>4</sup> Montaj - gambar, filem, gubahan lagu, atau penulisan yg terdiri drpd bahagian yg berasingan dan digabungkan menjadi satuan yg menarik

<sup>5</sup> Seluloid - benda plastik yg diperbuat drpd selulosa nitrat dan dicampur kapur barus

Antara karya agung yang muncul dari serata dunia sehingga kini ialah menerusi sentuhan sutradara seperti Sergei Eisenstein, Alfred Hitchcock, Akira Kurosawa, Francis Ford Coppola, Zhang Yimou, Ujitsu Mizoguchi, Satyajit Ray, David Lean, Martin Scorsese dan Steven Spielberg.

Di Malaysia, filem mula diperkenalkan menjelang tahun 30-an apabila beberapa filem dari Barat, India dan Hong Kong ditayangkan di beberapa kawasan padang terbuka yang bertempat di sekitar Tanah Melayu dan Singapura. Ia terus meriah dari filem hitam putih melalui filem Melayu pertama iaitu Laila Majnun (1938) sehinggalah kemunculan filem Melayu berwarna iaitu filem Hang Tuah(1956).



## BAB 3

### ANALISIS FILEM

#### 3.1 Pengenalan

Dalam menganalisis filem, pengkaji telah mengambil 3 buah filem seram dari Malaysia, Thailand dan Korea sebagai bahan kajian saya. Antara filem tersebut ialah *Pontianak Harum Sundal Malam II (Malaysia)*, *Ghost of Mae Nak (Thailand)* dan *The Wig (Korea)*. Tetapi pengkaji hanya memilih 2 daripada filem-filem iaitu *Pontianak Harum Sundal Malam II (Malaysia)* dan *Ghost of Mae Nak (Thailand)* untuk dikaji selidik mengenai penggunaan bunyi dalam filem tersebut.

Skop kajian pengkaji lebih menjurus kepada penggunaan bunyi dalam filem seram. Oleh itu, filem-filem di atas merupakan contoh filem terbaik kerana masing-masing mempunyai penggunaan bunyi dengan cara yang tersendiri. Selain daripada itu, bunyi dalam filem-filem tersebut diolah berdasarkan tema dan plot dalam cerita tersebut. Namun, penggunaan bunyi yang pengkaji kaji adalah merangkumi 3 aspek bunyi iaitu bunyi persekitaran, muzik (*score*) dan bunyi efek. Dalam kajian ini juga, pengkaji akan menggunakan beberapa *scene* yang tertentu sahaja sebagai contoh yang mempunyai kesamaan di antara dua filem tersebut.